



# TENTANG KAMI

Leverage3 ialah syarikat perunding kewangan berkepakaran tinggi yang menyediakan solusi secara peribadi kepada keperluan kewangan korporat serta individu.



# KUMPULAN KAMI

Kami beribu pejabat di Hong Kong dan mempunyai cawangan di China dan Malaysia. Kami bertekad untuk menyampaikan nasihat terbaik yang direka khas untuk setiap pelanggan kami, dan ini memastikan yang kami dapat membantu mereka mewujudkan nilai dankekayaan dalam pasaran yang sering berdaya saing.

Kami membantu pelanggan kami mengenalpasti dan memodalkan peluang perniagaan mereka yang terpenting dengan menyediakan solusi dan perkhidmatan peribadi sambil menolong mereka mencapai matlamat kewangan mereka.

Kami bertekad untuk membina hubungan jangka panjang dengan kesemua pelanggan kami. Kami membantu mereka untuk menjadi lebih berdikari dalam kewangan mereka, berdasarkan profesionalisme, kehormatan dan kepercayaan yang dibina.

Kami yakin kekuatan utama kami ialah pemberian nasihat yang teguh, adil dan berasaskan nilai. Ini yang kamu perlukan – dan yang kamu patut dapat. Kami komited kepada gagasan, sokongan, modal dan kakitangan yang dapat membantu pelanggan dan pemegang amanah harta kami.

Di Leverage3, kami berkerja keras untuk mencari dan mengesyorkan perkhidmatan yang boleh dipercayai yang sesuai dengan objektif dan keperluan khusus syarikat dan individu.

# PERKHIDMATAN KAMI

## PERUNDINGAN



# **PERUNDINGAN**

Kumpulan pakar kami yang berpengalaman dan berpengetahuan khusus dalam industri menyediakan perkhidmatan rundingan kewangan dan pengurusan kepada syarikat dan individu.

Di Leverage3, kami memenuhi dan melebihi objektif dan keperluan pelanggan kami dengan mereka solusi kewangan dan rancangan tindakan mengikut tempahan bersepadu.



# KAJIAN KES



# **PERUNDINGAN KEWANGAN KORPORAT**

Menasihat dan membantu PLC untuk menjalankan rancangan pengurusan kembali secara sukalera untuk menguatkan kunci kira-kiranya.

## **Cabaran**

Entiti yang disenaraikan secara awam (PLC) dengan kunci kira-kira yang kuat dan bernilai, tetapi nilainya tidak ditemui dan tidak dicerminkan pada harga pasarnya.

## **Pendekatan Penyelesaian**

Menasihat dan membantu PLC untuk menjalankan rancangan pengurusan kembali secara sukalera untuk menguatkan kunci kira-kiranya.

Menasihat dan membantu PLC untuk memperbesarkan pangkalan modal sahamnya dengan pelabur asing yang strategik.

## **Hasil**

Harga pasaran PLC meningkat 45%, mencerminkan nilai buku bersihnya dengan lebih tepat. Peningkatkan profil PLC dengan pelabur-pelabur, dengan pelaburan asing strategik dengan PLC itu dan menyediakan nasihat strategik dan nilai.

# **PERUNDINGAN PENINGKATAN MODAL DAN STRUKTUR KEWANGAN**

Menasihat dan membantu PLC untuk menjalankan rancangan pengurusan kembali secara sukala untuk menguatkan kunci kira-kiranya.

## **Cabaran**

Syarikat pemasaran Dirham Perak yang baru didirikan sedang menilai pilihan untuk menyediakan pembiayaan kepada pelanggannya melalui program pengumpulan Dirham Peraknya yang unik.

## **Pendekatan Penyelesaian**

Menasihat dan menstruktur seluruh pakej kewangan dengan strategi risiko kredit yang sesuai dan tatacara kredit lazim, sambil menyediakan hasil pulangan lumayan kepada pelanggan juru pemasaran.

## **Hasil**

Juru pemasaran dapat mencapai jualan yang lebih besar dengan pakej pembiayaan itu, sehingga jualan yang diperoleh daripada pakej pembiayaan itu lebih tinggi daripada jualan tunai.

# **PEMBANGUNAN STRATEGI DAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Menganalisis dan mengendalikan analisis SWOT ke atas broker saham dan meletakkannya ke dalam matrix kedudukan semasa.

## **Cabaran**

Syarikat broker saham sedang mencari nasihat objektif, kepakaran dan kemahiran khusus bermatlamatkan penciptaan nilai, memaksimakan perkembangan dan memperbaiki prestasi perniagaannya, sambil berusaha untuk memperbarui lesennya dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

## **Pendekatan Penyelesaian**

Menganalisis dan mengendalikan analisis SWOT ke atas broker saham dan meletakkannya ke dalam matrix kedudukan semasa.

Menganalisis dan mereka dua strategi dan pelaksanaan rancangan serentak dengan pendudukan strategik dan rancangan jualan dan pemasaran.

Memerincikan kelebihan bersaing broker saham, sama dengan kajian risiko dan ramalan kewangan.

## **Hasil**

Lesen broker saham itu diperbaharui oleh pihak berkuasa yang berkenaan, sambil menempatkan bidang pasarnya dengan mengembangkan perniagaannya.

# **PERUNDINGAN PEMELIHARAANHARTA DAN PELABURAN**

Merumus dan mengurus portfolio ekuiti budi bicara dengan nisbah Sharpe yang tinggi.

## **Cabaran**

Individu dengan nilai bersih yang tinggi (“Pelanggan”) perlu mengembangkan portfolio pelaburannya dengan mencapai pulangan bersih dalam persekitaran berinflasi tinggi, sambil memelihara simpanan persaraannya.

## **Pendekatan Penyelesaian**

Merumus dan mengurus portfolio ekuiti budi bicara dengan nisbah Sharpe yang tinggi.

## **Hasil**

Pelanggan mencapai pulangan bersih berganda, mengalahkan penanda aras pasaran saham dalam masa 4 tahun berbanding portfolio 5 tahunnya.

# **PENGOPTIMUMAN PERJENAMAAN DAN PEMASARAN**

Menganalisis dan mengendalikan analisis SWOT ke atas syarikat sambil membandingkannya dengan industri.

## **Cabar**

Rangkaian syarikat kecantikan (“Syarikat”) tidak dapat membezakan diri dalam industri kecantikan yang sangat berdaya saing, memandangkan pesaingnya juga menawarkan produk dan perkhidmatan yang serupa.

## **Pendekatan Penyelesaian**

Menganalisis dan mengendalikan analisis SWOT ke atas syarikat sambil membandingkannya dengan industri.

Memerhati dan menganalisis arah aliran industri dan data untuk memastikan faktor tarikan untuk menentukan posisi yang ketara.

Menasihat dan mengupah jurucakap yang berkaitan untuk mewakili Syarikat dan jenama-jenama produk dan perkhidmatannya dengan baik.

## **Hasil**

Syarikat menerima anugerah SME Brand Excellence Award pada tahun 2011.

# PERKHIDMATAN KAMI

## PEMBIAYAAN



## **PEMBIAYAAN**

Perkhidmatan kewangan kami dicipta untuk membolehkan pelanggan kami mengungkil peluang untuk memaksimumkan aliran tunai mereka.

Di Leverage3, pendekatan kami ialah untuk membantu pelanggan kami untuk mencapai kejayaan kewangan sambil berpegang teguh kepada etika yang ketat, pematuhan undang-undang, keutuhan, dan amalan yang terbaik.



# PEMBIAYAAN PREMIUM INSURANS

Sebagai perintis pembiayaan premium insurans di Malaysia, Leverage3 telah menempatkan dirinya sebagai syarikat “Pinjaman Program” unik untuk pembiayaan premium insurans secara komersil.

Kami menyediakan struktur terlunas untuk pembayaran balik premium insurans bagi pelanggan kami di Malaysia, justeru adanya peluang untuk pelanggan ini untuk mengoptimumkan aliran tunai mereka.

Leverage3 komited kepada penawaran produk pembiayaan yang kreatif, fleksibel dan direka khas untuk komuniti perniagaan hari ini. Ini kerana kami sedar dan faham akan sifat dinamik dunia pemasaran kewangan dan insurans dan juga kesannya ke atas persekitaran perniagaan.



# PEMBIAYAAN LOGAM BERHARGA

Leverage3 mempunyai kedudukan unik untuk menyediakan solusi pembiayaan yang merangkumi perdagangan logam berharga dan pelaburan.

Kami menyediakan program pembiayaan direka khas untuk beberapa jenis logam khusus melalui rakan strategik kami. Ini dapat membantu pelanggan kami memaksimumkan peluang pengungkilan dalam pelaburan mereka.

Leverage3 sentiasa bertekad untuk membantu pelanggannya dengan solusi pembiayaan yang ringkas dan berkesan, bersesuaian dengan peningkatan kepentingan pasaran dalam pelaburan dan pengumpulan logam berharga, tetapi masih dapat menyediakan peningkatan hasil pelaburan yang memberi pulangan pelaburan yang sebenar.



# PASUKAN TERAS



## KAKITANGAN KAMI

Leverage3 kukuh dengan adanya ahli profesional unggul dari bidang dan pengkhususan berbeza yang dapat membina impak positif kepada perniagaan pelanggan kami. Kakitangan kami diberi tanggungjawab dan galakan untuk mencipta gagasan inovatif untuk menyampaikan hasil yang cemerlang untuk pelanggan kami.

Kumpulan pakar kami yang berpengalaman dan berpengetahuan khusus dalam industri menyediakan perkhidmatan rundingan kewangan dan pengurusan kepada syarikat dan individu.



Inilah pasukan teras Leverage3.

## **PAUL KUAN**

### PENGARAH

Paul membawa dengannya pengalaman selama 12 tahun dalam pelbagai bidang perbankan, termasuk pengurusan wang korporat, operasi, solusi perbankan elektronik, pengurusan produk, perbankan pengguna dan perkhidmataan pelanggan. Beliau dianugerahkan “Eagle Award” untuk kecermelangan perbankan dari Hong Leong Bank semasa memegang jawatan sebagai pengurus produk di bahagian Perbankan Peruncit. Beliau juga menerima “Brilliance Award” dari ABN Amro Bank, di mana beliau mengetuai bahagian Perniagaan Pengurusan Wang Tunai Korporat.

Paul juga mempunyai pengalaman sebanyak 9 tahun sebagai penasihat korporat dalam pelbagai segi kewangan korporat seperti penggabungan dan pengambilalihan, struktur modal dan kewangan, pengoptimuman kunci kira-kira dan kecekapan operasi. Pengalaman ini dikumpul semasa beliau memegang jawatan di Leverage3 International yang diasaskan bersama olehnya pada tahun 2001. Paul juga mengetuai bahagian pembiayaan premium insurans Leverage3 sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.

Selain dari perkhidmatan kewangan, Paul juga mahir dalam industri telekomunikasi dan teknologi. Sebelum beliau mengetuai perniagaan pengurusan wang tunai di ABN Amro Bank, beliau pernah menjadi Pengurus Negara untuk Perkhidmatan Pengguna dan Kad Korporat AT&T di Malaysia. Di AT&T, beliau dihargai dengan President’s Award untuk sumbangannya kepada syarikat itu.

Paul mempunyai lulusan B.B.A. Perbankan dan Kewangan dari University of North Florida, USA.

## **LENG KEAN YONG (Yang)**

### **PENGARAH**

Yang sudah berada dalam bidang kewangan dan pemasaran untuk lebih dari 15 tahun. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang strategi perniagaan, dari hal-hal kewangan ke perancangan perniagaan dan pemasaran. Beliau telah melaksanakan dengan jayanya projek-projek untuk industri kecil-sederhana, syarikat yang disenaraikan Bursa Malaysia dan juga perbadanan multinasional, pada tahap setempat dan global. Projek-projek ini merangkumi latihan IPO, laporan kajian industri, perancangan pelan perniagaan 5 tahun, rangka tindakan strategi pemasaran, pelaksanaan pengurusan hubungan pelanggan, kajian kemasukan pasaran dan kebolehlaksanaan, dan pernilaian penggabungan dan pengambilalihan.

Sebelum menyertai Leverage3 Malaysia, Yang juga Pengurus di Leverage3 International. Beliau dulu juga Pengurus Projek untuk Synovate Sdn Bhd dan sebelum itu, Pengurus Kanan untuk ACNielsen Malaysia Sdn Bhd. Semasa memegang jawatannya di ACNielsen, Yang diberi 3 anugerah ACNielsen untuk sumbangannya dalam pelaksanaan strategi utama untuk operasi tempatan firma itu. Yang memulakan kerjayanya dengan BBMB Securities Sdn Bhd, mentaksir urus janji penggabungan dan pengambilalihan, menaja jamin IPO, membayai pra-IPO dan pelbagai alat pemasaran hutang.

Yang memiliki BBA dalam Kewangan dari Western Michigan University (cum laude). Yang juga mempunyai pelbagai sijil yang diperoleh melalui latihan dan pengemaskinian dalam bidang-bidang pemasaran selama kerjayanya dengan pelbagai firma perunding kajian pemasaran. Kini Yang juga mengurus tabung budi bicara untuk syarikat dan individu bernilai bersih tinggi.

# **AHMAD KAMAL SHEIKH AWAB**

## **PENGARAH/PENASIHAT**

Kamal merupakan seseorang yang berpengalaman tinggi dalam perbankan dan pengurusan perniagaan. Selama 33 tahun, beliau telah membuktikan rekod kejayaan yang cemerlang dalam bidang pengurusan kredit dan risiko, perkhidmatan transaksi global, pasaran modal, kewangan korporat, derivatif dan pelbagai pakej kewangan EXIM. Ini semua dilakukan semasa beliau berkhidmat dengan institusi kewangan global seperti Citibank, ABN Amro Bank dan Deutsche Bank. Beliau terkenal dan diakui untuk caranya menguruskan hubungan dengan multinasional global, institusi kewangan dan syarikat korporat tempatan di Malaysia. Sebelum Leverage3 International, Kamal bekerja sebagai Pengurus Am Kanan untuk salah satu syarikat insurans terbesar di Malaysia, iaitu Malaysia National Insurance Berhad.

Kamal mengetuai Global Corporate and Financial Institutions untuk Commercial Bank of Qatar di Doha, Qatar dari tahun 2008 ke 2011. Di situ, beliau didedahkan kepada askpek-aspek pasaran seantero yang lain.

Beliau memperoleh Masters of Business Administration (MBA) dari Henley / Brunel University, United Kingdom. Beliau sentiasa mereka semula dan memperbaharui dirinya dalam bidang kewangan melalui kursus-kursus yang dihadirinya di insititusi kewangan global.

# **KAMIL SUHAIMI ABDUL MAJID**

## **PENGARAH / PENASIHAT**

Kamil mempunyai pengalaman 33 tahun dalam bidang perbankan dan pengurusan perniagaan, terutamanya dalam jurusan kredit. Dengan lebih 25 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan kewangan, beliau merupakan ahli penting pasukan pengurusan Leverage3.

'Sebelum menyertai Leverage3, beliau menjadi Naib President bahagian Perbankan Korporat dan Komersil untuk Asian Finance Bank (AFB) di mana dia bertanggungjawab untuk perkembangan menyeluruh Perniagaan Perbankan Korporat yang merentasi pelbagai sektor pasaran termasuk Government, Government Linked Companies (GLC), Multi National Companies (MNC), Large Local Corporate (LLC) dan pelanggan institusi. Selain daripada menjadi pakar dalam produk perbankan korporat seperti kewangan penggal, kewangan modal bekerja, kewangan perantaraan dan kewangan perdagangan, beliau juga ditugaskan dengan tanggungjawab menjaga dan mengurus pasukan Pengurus Perhubungan di bahagian perbankan korporat dan komersil di dalam bank.

Sebelum menyertai AFB, Kamil menjadi Ketua Perbankan Islam untuk EON Bank Berhad, di mana beliau mengurus secara menyeluruh kegiatan Operasi Perbankan Islam bank tersebut. Hasil sumbangan beliau semasa memegang jawatan itu ialah bank tersebut sekarang mendahului pasaran perbankan Islam di Malaysia. Pengalaman beliau dengan perbankan Islam bermula dari jawatannya sebagai Pengurus Kanan di MBf Finance Berhad, di mana beliau melalui seluruh skop pengkhususan ini. Ditambah pula kepada pengalamannya dengan Perwira Affin Bank, Public Bank Berhad dan Bank Bumiputera Malaysia Berhad, ini telah membentuk dirinya menjadi seorang pengurus bank yang serba boleh, berpengetahuan tinggi dan berpengalaman luas.

Kamil mempunyai lulusan diploma Pengajian Perbankan dari UiTM, Malaysia, BSc Kewangan dari Northern Illinois University (NIU), USA dan MBA dari Morehead State University (MSU), USA.

## RAKAN KONGSI KAMI

H2O Premium Management Sdn. Bhd. ialah sebahagian daripada Leverage3 International Ltd group. Ia merupakan syarikat pertama dan tunggal di Malaysia yang menawarkan pembiayaan dalam pembelian Dirham Perak yang mematuhi Akta Pinjaman Wang 1951 dengan penuh.

Diasaskan pada tahun 2004, H2O Premium Management Sdn Bhd telah membuktikan kedudukannya sebagai syarikat yang menawarkan pelanggan dan pemegang amanah hartanya produk dan servis kewangan yang berpiawaian tinggi. Ini dapat dibuktikan melalui hasil kerjasama H2O Premium Management Sdn Bhd dengan pembekal insurans dan Takaful tempatan dan asing yang terbesar dan berjenama yang menawarkan pembiayaan premium insurans, seperti Lon Pac Insurance dan Syarikat Takaful Malaysia.

H2O Premium Management Sdn. Bhd. juga merupakan rakan strategik beberapa peruncit dan syarikat pengedar logam berharga yang terulung di Malaysia dan Asia, seperti MyNet Capital Sdn Bhd dan World Dirham Berhad untuk pasaran Malaysia. Di negara lain, H2O Premium Management Sdn. Bhd. (melalui Leverage3 International Ltd), telah bekerjasama rapat dengan Auruma International Ltd, Singapore Precious Metals Exchange Pte Ltd dan SGNet Pte Ltd.

Dengan lembaga pengarah dan kumpulan pengurusan yang berpengelaman lebih 30 tahun dalam industri perbankan dan kewangan, pelanggan dijamin piawaian dan praktis yang berkualiti tinggi, serta perkhidmatan yang mengungkilkil kepakaran, pengetahuan, rangkaian dan kakitangannya.



# HUBUNGI KAMI

## MALAYSIA

T:+603 6411 0181  
F:+603 6411 0180

C3-5-12,  
Solaris Dutamas,  
No.1, Jalan Dutamas 1,  
50480 Kuala Lumpur,  
Malaysia.

## CHINA

T:+86 755 33388883  
F:+86 755 33388880

深圳市罗湖区深南东路  
深圳古玩城5栋4楼  
4th Floor, Building 5,  
Shenzhen Curio World  
Shennan Dong Road  
Luohu District,  
Shenzhen, PRC.

## HONG KONG

T:+852 2156 2100  
F:+852 2156 0678

2nd Floor,  
60 Queen's Road East  
Wanchai, Hong Kong.

Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut, sila e-mel [info@myleverage3.com](mailto:info@myleverage3.com)